

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN “CIMB SAVE AND WIN” 2022**

1. Kempen “**CIMB Save and Win**” 2022 (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic Bank**”). CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**CIMB**”.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **1 November 2022** hingga **28 Februari 2023**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). Tempoh Kempen terdiri daripada empat (4) bulan kempen seperti yang dinyatakan di bawah (“**Bulan Kempen**”):

Bulan Kempen	Tempoh
1	1 Nov 2022 – 30 Nov 2022
2	1 Dis 2022 – 31 Dis 2022
3	1 Jan 2023 – 31 Jan 2023
4	1 Feb 2023 – 28 Feb 2023

3. CIMB merizabkan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar.

Kelayakan & Kriteria Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada orang-orang yang berikut: -
 - a) pemegang akaun utama Akaun Semasa/-i dan/atau Akaun Simpanan/-i CIMB (“**CASA/-i**”) penyertaan baharu, iaitu mana-mana orang yang telah membuka CASA/-i penyertaan semasa Tempoh Kempen; dan
 - b) pemegang akaun utama CASA/-i penyertaan sedia ada, iaitu mana-mana orang yang telah membuka CASA/-i penyertaan sebelum Tempoh Kempen,

yang memilih untuk menyertai Kempen ini dengan memindahkan **RM88** ke dalam CASA/-i penyertaan semasa Tempoh Kempen (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”).

5. Senarai “**Akaun Penyertaan**” CASA/-i untuk tujuan Kempen ini adalah seperti berikut: -
 - a) Akaun Simpanan Asas/-i
 - b) Akaun Simpanan EcoSave-i
 - c) Akaun Simpanan-i OctoSavers
 - d) Akaun Simpanan-i Plus
 - e) Akaun Simpanan Asas Senior/-i
 - f) Akaun Simpanan Senior/-i
 - g) Akaun Simpanan Preferred-i
 - h) Akaun Petronas Savers
 - i) Akaun AirAsia Savers

- j) Akaun Simpanan/-i
- k) Akaun Semasa Asas/-i
- l) Akaun Semasa/-i
- m) Akaun Semasa Asas Senior/-i
- n) Akaun Semasa Preferred/-i

Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Junior Savers/-i dan Akaun YOUth Savers/-i CIMB tidak akan dianggap sebagai Akaun Penyertaan untuk tujuan Kempen ini.

6. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak untuk memastikan bahawa nombor mudah alih dan alamat e-mel berdaftar mereka adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk sebarang kehilangan peluang dan/atau kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami oleh Pelanggan Layak, termasuk kerugian akibat daripada sebarang kegagalan untuk memenuhi pengkreditan Hadiah (selepas ini ditakrifkan di Klausula 13), jika nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel berdaftar mereka yang terdapat dalam rekod CIMB tidak boleh dihubungi, bukan semasa atau tidak dikemas kini.
7. Kategori orang-orang/entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang akan ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, kelab, persatuan, koperasi dan perkongsian profesional;
 - b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; atau
 - c) Pelanggan terpilih yang telah ditawarkan untuk menyertai kempen CIMB lain semasa Tempoh Kempen.
8. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk di bawah kategori orang/entiti yang disebutkan di atas.

Mekanik Kempen

9. Pelanggan Layak boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi Hadiah yang ditawarkan dengan memperolehi "**Penyertaan**" mengikut cara yang dinyatakan di bawah: -

Jadual 1: Pemegang Akaun Utama Akaun Penyertaan Baharu dan/atau Sedia Ada

No	Transaksi Layak	Bilangan Penyertaan	Catatan
1	Buka Akaun Penyertaan baharu	1,000	Setiap Pelanggan Layak layak memperoleh maksimum 1,000 Penyertaan sahaja daripada Transaksi Layak ini sepanjang Tempoh Kempen
2	Bagi setiap Ringgit Penambahan Baki Purata (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 10(c) di bawah) bagi setiap Bulan Kempen	1	Setiap Pelanggan Layak layak memperoleh maksimum 100,000 Penyertaan sahaja sepanjang Tempoh Kempen

10. Bagi tujuan Kempen ini:-

- a) “**Baki Purata**” bermaksud jumlah baki akhir setiap hari Akaun Penyertaan Pelanggan Layak untuk suatu bulan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dalam bulan tersebut.

Sebagai contoh:

Pada 1 November 2022, Pelanggan Layak A mempunyai RM1,000 dalam Akaun Penyertaannya. Pelanggan Layak A mengekalkan jumlah yang sama setiap hari sehingga 30 November 2022.

Jumlah baki akhir setiap hari untuk November 2022:	RM1,000 x 30 hari = RM 30,000
Jumlah bilangan hari dalam November 2022:	30 hari
Baki Purata bagi November 2022:	RM30,000 / 30 hari = RM1,000

- b) “**Garis Dasar**” bermaksud agregat Baki Purata semua Akaun Penyertaan Pelanggan Layak bagi Oktober 2022;

- c) “**Penambahan Baki Purata**” bermaksud agregat Baki Purata semua Akaun Penyertaan Pelanggan Layak bagi setiap Bulan Kempen tolak Garis Dasar. Sebagai contoh:

- i) **Pemegang Akaun Utama Akaun Penyertaan Sedia Ada**

Pelanggan Layak B ialah pemegang akaun utama sedia ada bagi 2 Akaun Penyertaan (iaitu Akaun Penyertaan 1 dan Akaun Penyertaan 2).

Bulan	Baki Purata Akaun Penyertaan 1	Baki Purata Akaun Penyertaan 2	Agregat Baki Purata Akaun Penyertaan 1 & Akaun Penyertaan 2	Penambahan Baki Purata	Baki Penyertaan
Oktober 2022	RM500	RM500	RM1,000 (Garis Dasar)	-	-
November 2022	RM1,000	RM1,000	RM2,000	RM2,000 - RM1,000 (Garis Dasar) = RM1,000	1,000
Disember 2022	RM2,000	RM2,000	RM4,000	RM4,000 – RM1,000 (Garis Dasar) = RM3,000	3,000
Januari 2023	RM3,000	RM2,000	RM5,000	RM5,000 – RM1,000 (Garis Dasar) = RM4,000	4,000
Februari 2023	RM1,000	RM500	RM1,500	RM1,500 – RM1,000 (Garis Dasar) = RM500	500
Jumlah Penyertaan					8,500

Dalam kes ini, Pelanggan Layak akan menerima jumlah 8,500 Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen.

ii) **Pemegang Akaun Utama Akaun Penyertaan Baharu**

Pelanggan Layak C membuka Akaun Penyertaan 1 baharu pada November 2022 dan satu lagi Akaun Penyertaan 2 baharu pada Disember 2022.

Bulan	Baki Purata Akaun Penyertaan 1	Baki Purata Akaun Penyertaan 2	Agregat Baki Purata Akaun Penyertaan 1 & Akaun Penyertaan 2	Penambahan Baki Purata	Penyertaan
Oktober 2022	-	-	RM0 (Garis Dasar)	-	-
November 2022	RM1,000	-	RM1,000	RM1,000 – RM0 (Garis Dasar) = RM1,000	2,000 (1,000 Penyertaan untuk pembukaan Akaun Penyertaan Baharu + 1,000 Penyertaan untuk Penambahan Baki Purata)
Disember 2022	RM1,000	RM2,000	RM3,000	RM3,000 – RM0 (Garis Dasar) = RM3,000	3,000
Januari 2023	RM1,000	RM2,000	RM3,000	RM3,000 – RM0 (Garis Dasar) = RM3,000	3,000
Februari 2023	RM5,000	RM3,000	RM8,000	RM8,000 – RM0 (Garis Dasar) = RM8,000	8,000
Jumlah Penyertaan					16,000

Dalam kes ini, Pelanggan Layak akan menerima jumlah 16,000 Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen.

11. Bilangan Penyertaan maksimum seseorang Pelanggan Layak boleh perolehi dihadkan pada maksimum **Seratus Ribu (100,000) Penyertaan** sepanjang Tempoh Kempen.
12. Penentuan CIMB tentang apa yang membentuk Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar dalam apa cara sekalipun.

Hadiah Kempen

13. Hadiah berikut (“**Hadiah**”) disediakan kepada Pelanggan Layak di bawah Kempen ini.

Jadual 2: Pecahan Hadiah

Hadiah	Tempoh Kelayakan	Bilangan Pemenang	Format Hadiah	Jumlah (RM)	Penyertaan Minimum Diperlukan
Hadiah Tunai	Bulan Kempen 1: 1 Nov 2022 – 30 Nov 2022	600	Tunai	88	500
	Bulan Kempen 2: 1 Dis 2022 – 31 Dis 2022	600			
	Bulan Kempen 3: 1 Jan 2023 – 31 Jan 2023	600			
	Bulan Kempen 4: 1 Feb 2023 – 28 Feb 2023	600			
Hadiah Utama	1 Nov 2022 – 28 Feb 2023	1	Tunai	88,000	500

14. Setiap Pelanggan Layak hanya layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama dan satu (1) Hadiah Tunai sepanjang Tempoh Kempen ini.
15. Setiap Pelanggan Layak mesti memenuhi ambang Penyertaan minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2 di atas untuk layak kepada Hadiah.
16. Kakitangan CIMB tidak layak untuk menang dalam kategori Hadiah Utama.
17. Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan aktif Pemenang (selepas ini ditakrifkan di Klausula 29 di bawah).
18. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang yang layak kepada Hadiah untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun CIMB lain mereka atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga, menukar Hadiah dengan wang tunai atau hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai setara atau sebarang jua alternatif lain.
19. Pemenang hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan Hadiah. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau ganti rugi yang disebabkan oleh Hadiah dan/atau kegagalan pemenuhan oleh mana-mana ejen/ pembekal/ pengedarnya.

20. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawab ke atas kegagalan penyerahan atau kegagalan penerimaan Hadiah atas apa-apa sebab sekalipun, termasuk di mana kegagalan untuk dihantar adalah disebabkan oleh alamat e-mel atau nombor mudah alih Pemenang yang tidak tepat, tidak sah atau tidak salah yang dikekalkan dalam rekod CIMB. Hadiah tidak akan diganti atau dihantar semula kepada Pemenang tanpa mengira sama ada Hadiah telah digunakan.

Proses Pemilihan Pemenang

21. Pemberian Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini hendaklah seperti yang berikut: -

Jadual 3: Pemenuhan Hadiah

Hadiah	Jadual Pemilihan Pemenang	Format Pemenuhan
Hadiah Tunai	90 hari dari hari terakhir setiap Bulan Kempen	Kredit ke Akaun Penyertaan
Hadiah Utama	90 hari dari 28 Februari 2023	Kredit ke Akaun Penyertaan

22. Sistem pemilihan automatik CIMB akan menyenarai pendek pemenang berpotensi daripada kumpulan Pelanggan Layak yang telah memperolehi bilangan penyertaan minimum yang diperlukan ("**Pemenang Berpotensi**") dan sentiasa tertakluk kepada Klausula 23 hingga 31 di bawah, Hadiah akan dipenuhi dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam lajur Jadual Pemilihan Pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 3 di Klausula 21 di atas. Lebih tinggi bilangan Penyertaan yang diperolehi oleh Pelanggan Layak, lebih tinggi peluang Pelanggan Layak untuk disenarai pendek sebagai Pemenang Berpotensi.

Jadual 4: Penyenaian Pendek Pemenang Berpotensi

Hadiah	Bilangan Pemenang	Bilangan Pemenang Berpotensi Disenarai Pendek	Tempoh Penyenaian Pendek
Hadiah Tunai	600 bagi setiap Bulan Kempen	1,800 bagi setiap Bulan Kempen	90 hari dari hari terakhir setiap Bulan Kempen
Hadiah Utama	1	30	90 hari dari 28 Februari 2023

Pemenang Hadiah Tunai

23. Bagi setiap Bulan Kempen, Satu Ribu Lapan Ratus (1,800) Pemenang Berpotensi akan disenarai pendek dalam sembilan puluh (90) hari dari hari terakhir Bulan Kempen tersebut bagi bertanding untuk memenangi Hadiah Tunai ("**Pemenang Hadiah Tunai Berpotensi**").
24. Setelah disenarai pendek, setiap Pemenang Hadiah Tunai Berpotensi akan dihubungi oleh CIMB melalui SMS di nombor mudah alih berdaftar mereka. Pemenang Hadiah Tunai Berpotensi yang dihubungi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpantas dalam tempoh yang ditetapkan dalam SMS tersebut.

25. Enam Ratus (600) Pemenang Hadiah Tunai Berpotensi pertama yang menjawab dengan jawapan betul dalam masa terpantas seperti yang direkodkan oleh sistem CIMB akan diisytiharkan sebagai **“Pemenang Hadiah Tunai”** bagi Bulan Kempen tersebut.

Pemenang Hadiah Utama

26. Tiga Puluh (30) Pemenang Berpotensi akan disenarai pendek dalam sembilan puluh (90) hari dari 28 Februari 2023, bagi bertanding untuk memenangi Hadiah Utama (**“Pemenang Hadiah Utama Berpotensi”**).
27. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenaraipendekkan kemudiannya akan dihubungi oleh CIMB dalam susunan rawak melalui panggilan telefon di nombor mudah alih berdaftar mereka yang dikekalkan dalam rekod CIMB. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang dihubungi akan dikehendaki untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pertama yang membalas dengan dua (2) jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai **“Pemenang Hadiah Utama”**.
28. Jika cubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi gagal, atas sebab-sebab seperti tiada jawapan, nombor mudah alih Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tiada dalam perkhidmatan, kekurangan atau tiada sambungan atau atas apa jua sebab lain, dua (2) cubaan lagi akan dilakukan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut pada nombor mudah alih yang sama. Jika cubaan ketiga tidak berjaya, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut akan dilucutkan kelayakan dan tidak akan layak untuk memenangi Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi seterusnya yang menjawab kedua-dua soalan dengan betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama.
29. Pemenang Hadiah Tunai dan Pemenang Hadiah Utama (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai **“Pemenang”**) akan dimaklumkan oleh CIMB melalui SMS atau penerbitan di laman web CIMB.
30. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucuthakkan Hadiah dan memilih Pemenang lain jika Pemenang gagal menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau menyertai acara berkaitan lain sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh CIMB.
- a) Dengan menyertai Kempen, Pemenang akan dianggap telah memberi kuasa kepada CIMB untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang difikirkan sesuai oleh CIMB (**“Hak Penerbitan”**).
- b) Jika Pemenang membantah Hak Penerbitan CIMB selepas menyertai Kempen, CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucuthakkan Hadiah dan memilih Pemenang lain.
31. Walau apa pun di atas, CIMB berhak mengikut budi bicaranya menamatkan proses pemilihan yang dinyatakan di sini walaupun bilangan Pemenang tidak mencukupi selepas proses pemilihan.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

32. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen, beliau:
- a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan beliau terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b) memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadinya menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberikan dan penentuan Pemenang, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
 - d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - kegagalan elektrik;
 - pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - sebarang bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
 - sebarang faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
33. Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika:
- a. Akaun Penyertaan Pelanggan Layak ditutup atau menjadi dorman semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum penghantaran Hadiah;
 - b. Pelanggan Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Penyertaan;
 - c. Akaun Penyertaan Pelanggan Layak ditamatkan atau ditutupkan atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
 - d. Akaun Penyertaan Pelanggan Layak adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
34. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia tentukan telah:
- a) mengganggu kemasukan/penyertaan/proses permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
35. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:
- a) menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
 - b) melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen

dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan Layak menerusi:

- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- notis di cawangan CIMB; dan/atau
- notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
- menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang mungkin dipilih oleh CIMB.

36. Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan sebagaimana yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh sebarang penggantian Hadiah dan/atau sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.

37. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan kepada sebarang Pelanggan Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:

- a) penyertaan atau kegagalan penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
- b) sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Pelanggan Layak SMS,

melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

38. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak menerusi:

- a) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- b) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- c) notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
- d) pengiklanan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
- e) menerusi mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Pindaan hendaklah dianggap terikat ke atas Pelanggan Layak dari tarikh sepertimana yang dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan.

Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan untuk memastikan bahawa beliau sentiasa mengikuti sebarang variasi terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

39. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.

40. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan bahawa CIMB ditanggung rugi berkenaan dengan sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah oleh Pelanggan Layak.
41. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Akaun Penyertaan yang akan diguna pakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
42. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.
43. Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB bagi sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:
- Alamat:** Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: +603 6204 7788
No. Faksimile: +603 2691 3248
Alamat E-mel: CRU@cimb.com
44. CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.